

masing. Oleh itu, adalah wajar untuk pengguna jalur lebar yang sedia ada menyemak dengan pemberi perkhidmatan bagaimana mereka boleh menikmati pakej penurunan harga jalur lebar tanpa perlu membuat permohonan baru.

Bagi meluaskan liputan jalur lebar di kawasan pinggir bandar, Kementerian sedang dalam perancangan untuk melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB). Projek ini akan menaik taraf beberapa ibu sawat khususnya di pinggir bandar dan luar bandar terpilih dengan capaian jalur lebar sehingga 20Megabit sesaat setelah siapnya projek ini. Bagi negeri Sarawak, sebanyak 62 kawasan telah dikenal pasti bagi pelaksanaan projek SUBB. Antara kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti ialah Stapok, Mukah, Sri Aman, Serian, Kapit, Lawas dan Limbang.

Kawasan Sibul telahpun mempunyai liputan talian tetap Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) bermula dari Oktober 2012. Di Sibul juga telah ada perkhidmatan 4G LTE oleh syarikat Telekom Malaysia (TM), iaitu produk TMGo yang mampu memberikan capaian sehingga 20Megabit per saat. Perkhidmatan TMGo ini akan diperluaskan ke kawasan-kawasan luar bandar yang lain secara berperingkat-peringkat berdasarkan keperluan semasa dan permintaan daripada pengguna.